

(16 Jun 2021) Sinar Harian, p. 11

Vaksin untuk 12 tahun ke atas

Comirnaty keluaran Pfizer diluluskan penggunaannya dalam Mesyuarat PKBD berkenaan vaksin Covid-19

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Noor Hisham Abdullah berkata, keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Kali Ke-359 Berkenaan Pendaftaran Vaksin Covid-19.

"Comirnaty sebelum ini diluluskan pendaftaran bersyarat pada 8 Januari 2021, digunakan bagi tujuan imunisasi aktif kepada individu yang berusia 18 tahun dan ke atas," katanya pada Selasa.

Menurutnya, walaupun tambahan indikasi ini telah diluluskan, KKM berbanding keutamaan pemberian vaksin masih lagi kepada kumpulan berisiko tinggi.

"Ia selaras dengan dasar sedia ada yang



DR NOOR HISHAM

ditetapkan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK)," kata beliau.

Pada 5 Mei lalu, Kanada menjadi negara pertama meluluskan penggunaan Comirnaty terhadap individu berumur 12 tahun ke atas sebagai sebahagian usaha memerangi pandemik.

Selain itu, langkah sama diikuti Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat dan Jepun.

Dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham memaklumkan mesyuarat berkenaan bersetuju untuk memberi pendaftaran kelulusan bersyarat kepada dua produk vaksin yang hanya mempunyai satu dos pelalian iaitu Convidecia Recombinant Novel Coronavirus Vaccine dan Janssen Covid-19 Vaccine.

Kes positif naik semula

PUTRAJAYA- Kes positif Covid-19 kembali meningkat kepada 5,419 pada Selasa.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor kekal melapor kes tertinggi dengan 1,996 kes.

Ia diikuti oleh Sarawak (718), Kuala Lumpur (650), Negeri Sembilan (396) dan Johor (366).

"Secara keseluruhannya, kes positif di negeri lain menunjukkan situasi lebih stabil berbanding hari sebelumnya.

"Kedah merekodkan 252 kes, Kelantan (245), Sabah (230), Melaka (155), Labuan (138), Perak (68), Terengganu (43), Pahang (32), Putrajaya (lima) dan Perlis (satu).



"Jumlah kumulatif kes positif adalah 667,876," kata beliau.

Vaksin Covid-19, Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech diluluskan untuk kegunaan individu berumur 12 tahun dan ke atas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr

**MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
667,876	593,695	922	4,069	+5,419	4,688,233

KES BAHARU DALAM SEMINGGU

15 Jun	5,419 kes
14 Jun	4,949 kes
13 Jun	5,304 kes
12 Jun	5,793 kes
11 Jun	6,849 kes
10 Jun	5,671 kes
9 Jun	6,239 kes

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 662,457 kes kepada 667,876 kes

